

16 SEP 2000

Suleiman-Dialog

DIALOG BERJAYA DAPATKAN SEMULA SOKONGAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Langkah kerajaan mengadakan dialog pemimpin bersama rakyat bagi mendengar keluhan dan cadangan golongan bawahan, setakat ini berjaya mengembalikan sokongan dan kepercayaan individu dan kumpulan tertentu, yang dahulunya menentang kerajaan.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Suleiman Mohamed hari ini berkata kejayaan program itu kerana ia tidak menggunakan nama mana-mana parti politik bagi menghimpunkan masyarakat di sesuatu kawasan untuk berbincang dan berdialog dengan pemimpin masing-masing.

Rata-rata penduduk di sesuatu kawasan, yang dahulunya dikenalpasti penyokong kuat pembangkang, kini lebih banyak menyumbang dan mengikuti aktiviti serta program yang memberi faedah kepada penduduk setempat anjuran kerajaan, katanya kepada pemberita pada Majlis Dialog Pemuaafakatan Sosial 1 Kampung Datuk Keramat di sini, hari ini.

Lebih 100 penduduk, mewakili pelbagai pertubuhan seperti jawatankuasa masjid, Belia 4B, Persatuan Jiran Muda, Jabatan Agama Wilayah Persekutuan, Jabakan Bekalan Air, Kemas, Telekom serta syarikat konsesi jalanraya Prolintas Sdn Bhd menghadiri dialog itu.

Sebelum ini, dua dialog seumpama itu telah diadakan dengan penduduk Kampung Pandan dan Kampung Baru.

Antara masalah yang dikemukakan peserta dialog termasuk kekurangan infrastruktur, kebakaran rumah, kawasan setinggan serta banjir kilat.

Suleiman yang juga Timbalan Menteri Kesihatan dan anggota Parlimen kawasan Titiwangsa berkata sokongan itu mungkin juga disebabkan oleh langkah berhati-hati pihak penganjur untuk tidak mengaitkan majlis dengan mana-mana parti politik.

"Jika mereka kata ini majlis politik, tidak kira anjuran PAS atau Keadilan, malah jika ia majlis Umno pun, mereka akan menjauhkan diri. Saya tahu sebagai anggota MT Umno, saya tidak sepatutnya berkata demikian, tetapi ini adalah kenyataan. Jika majlis itu dianjurkan oleh sebuah parti, rakyat tidak mahu membabitkan diri," kata beliau.

Suleiman berkata semua orang di negara ini mempunyai hak ke atas fahaman politik masing-masing dan tiada siapa boleh memaksa atau menukar pandangan mereka supaya menyokong kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebab itu majlis ini lebih dikenali dengan majlis dialog pemimpin bersama rakyat yang berfungsi sebagai platform mendapatkan maklumat tentang sesuatu perkara atau isu yang melibatkan rakyat di kawasan berkenaan," katanya.

Selain itu, katanya, jika ada penduduk di kawasan terbabit mempunyai cadangan bernas, ia boleh disampaikan kepada kerajaan melalui pemimpin yang terlibat.

Terdahulu, Suleiman turut menyampaikan kunci rumah baru kepada 22 keluarga mangsa kebakaran di Kampung Baru, Julai lepas.

--BERNAMA

NHA ARA ZB